



**LABUAN FINANCIAL SERVICES AUTHORITY  
(LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN)**

**TAWARAN SEBUT HARGA**

**UNTUK**

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DI PEJABAT LEMBAGA  
PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA)**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**BAHAGIAN PEROLEHAN**

**UNIT PENGURUSAN FASILITI**

**LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN**

**TINGKAT 17, MENARA UTAMA, UJANA KEWANGAN**

**87000 LABUAN**

**TEL: 03-8873 2000**

**FAX: 03-8873 2099**

**TARIKH: 5 MEI 2026**

**NO. TAWARAN SEBUT HARGA: RFQ 26/0039**

### SENARAI SEMAK DOKUMEN

Sila tandakan ( / ) bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk ditanda oleh Syarikat	Untuk ditanda oleh Labuan FSA
1.	Salinan Sijil Pendaftaran CIDB/Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)		
2.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat		
3.	Katalog cat		
4.	Tawaran Sebut Harga berdasarkan skop kerja seperti di Seksyen 6.1 (sebut harga mesti merangkumi semua perbelanjaan, perbelanjaan sendiri/keluar (jika ada dan tidak melebihi 10% daripada jumlah kos kontrak), kos penghantaran (jika ada) dan cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia).		
5.	Dokumen sokongan seperti yang dikehendaki dalam dokumen ini sebagaimana dinyatakan di Seksyen 5.0 (Penyediaan Cadangan).		

#### PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan dalam dokumen Tawaran Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Cop Rasmi :

#### UNTUK KEGUNAAN LABUAN FSA

Bahagian Perolehan, Unit Pengurusan Fasiliti mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil ..... (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

## **1.0 Latar Belakang Labuan FSA**

- 1.1 Labuan FSA merupakan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab membangunkan dan mentadbir Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC). Objektif utama Labuan FSA adalah seperti berikut:
- a) Mempromosikan dan membangunkan Labuan sebagai pusat antarabangsa untuk perkhidmatan perniagaan dan kewangan;
  - b) Membangunkan objektif, dasar dan keutamaan negara untuk pembangunan teratur dan pentadbiran perniagaan antarabangsa dan perkhidmatan kewangan di Labuan; dan
  - c) Bertindak sebagai pihak berkuasa kawal selia, penyeliaan dan penguatkuasaan pusat industri perniagaan dan perkhidmatan kewangan antarabangsa di Labuan.

## **2.0 Latar Belakang Projek**

- 2.1 Labuan FSA merancang untuk membaik pulih dan mengecat semula siling di Pejabat Labuan FSA akibat kelembapan di siling. Oleh itu, Labuan FSA sedang mencari kontraktor yang layak bagi menjalankan kerja-kerja membaikpulih tersebut.

## **3.0 Syarat-Syarat Umum**

- 3.1 Syarikat adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat di dalam tawaran sebut harga ini. Dengan mengambil bahagian atau mengemukakan dokumen sebut harga, Syarikat akan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat di dalam tawaran ini. Kegagalan untuk mematuhi terma dan syarat tawaran ini akan mengakibatkan pembatalan atau penyikiran daripada proses penilaian.
- 3.2 Labuan FSA tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kelewatan dalam penghantaran sebut harga. Bukti penghantaran tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran sebut harga.
- 3.3 Labuan FSA juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
- 3.4 Syarikat hendaklah memastikan bahawa semua maklumat/dokumen/borang yang dikemukakan dalam Sebut Harga adalah benar, tepat dan lengkap. Labuan FSA berhak menolak dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana Syarikat sekiranya didapati mengemukakan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan, pada bila-bila masa sepanjang proses perolehan.

#### 4.0 Keperluan Kelayakan / Kelayakan Syarikat

- 4.1 Tawaran Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berkelayakan bagi menyertai tawaran sebut harga ini:
- a) Syarikat hendaklah merupakan perniagaan yang berdaftar di Malaysia, iaitu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selaras dengan peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 (bagi entiti Sendirian Berhad atau Berhad) atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (bagi milikan tunggal atau perkongsian). Syarikat dikehendaki mengemukakan dokumen pendaftaran yang sah seperti berikut:
    - i) Borang 9/Seksyen 17 (Sijil Pemerbadanan/Certificate of Incorporation)
    - ii) Dokumen Seksyen 14/Seksyen 16 (Perlembagaan/Maklumat Pengarah dan Pemegang Saham/Constitution/Particulars of Directors & Shareholders)
    - iii) Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM (bagi perusahaan / for enterprises)
    - iv) Cetakan terkini SSM e-Info atau Profil Syarikat yang mengesahkan status aktif syarikat.
  - b) Syarikat mestilah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industry Pembinaan (CIDB), Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang-bidang berkaitan, serta mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK). Syarikat hendaklah mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

#### 5.0 Penyediaan Tawaran Sebut Harga

- 5.1 Syarikat dikehendaki mengemukakan Tawaran Sebut Harga dalam format berikut:

<b>Cadangan Teknikal</b>	1. Cadangan teknikal hendaklah diterangkan dengan jelas seperti yang dinyatakan dalam <b>Seksyen 6.0</b> .
<b>Tawaran Sebut Harga</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Harga yang ditawarkan hendaklah merangkumi pecahan kos terperinci, kos pengangkutan, diti bayaran dan lain lain caj yang perlu dan berkaitan dengan projek ini. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada kos cukai, terma pembayaran dan semua cukai yang berkuatkuasa seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.</li> <li>2. Harga yang ditawarkan hendaklah di dalam Ringgit Malaysia (RM) Sahaja dan Syarikat hendaklah sentiasa mematuhi harga yang</li> </ol>

	<p>ditawarkan. Syarikat tidak dibenarkan menanggung atau menuntut sebarang kos atau perbelanjaan tambahan kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Labuan FSA.</p> <p>3. Syarikat hendaklah menganggung kos insuran seperti Insuran Liability awam dan Insuran Kerja bagi tempoh pelaksanaan kerja ini, dan insuran barangan, sekiranya ada.</p> <p>4. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah tender atau dalam tempoh kerja.</p> <p>5. Tempoh sah laku sebut harga yang ditawarkan adalah dalam tempoh 90 hari dari tarikh tutup tawaran sebut harga ini.</p>
<p><b>Dokumen Sokongan</b></p>	<p>1. Syarikat dikehendaki menandatangani Borang Pengisytiharan yang dilampirkan dalam Lampiran. Borang yang telah ditandatangani mesti diserahkan bersama dokumen sebut harga.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Akuan Pembida dalam Menangani Jenayah Pmerdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran A)</li> <li>b) Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran B)</li> <li>c) Surat Akuan Pemida (Lampiran C)</li> <li>d) Surat Akuan Pembida bagi Perkhidmatan Perunding Sahaja (Lampiran D)</li> <li>e) Surat Akuan Kepentingan Konflik (Lampiran E)</li> <li>f) Pengisytiharan Litigasi (Lampiran F)</li> <li>g) Persetujuan Perlindungan Data Peribadi (PDPA) untuk Pembekal / Perunding / Kontraktor Lampiran G)</li> </ul> <p>2. Profil Syarikat, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Profil Perniagaan;</li> <li>b) Senarai Pemilikan dan Pegangan Saham;</li> </ul>

	<p>c) Pelanggan Terdahulu dan Semasa – Senarai pelanggan atau projek utama yang telah dan sedang dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) hingga (5) tahun yang lalu, termasuk skop perkhidmatan yang diberikan serta tempoh penglibatan; dan</p> <p>d) Maklumat Pendaftaran Korporat.</p> <p>3. Katalog Cat</p>
--	--

## 6.0 Skop Perkhidmatan

- 6.1 Merangkumi kerja-kerja penyediaan awal, bekalan bahan dan peralatan, pengangkutan, kos tenaga buruh dan juga lain-lain kerja berkaitan.
- 6.2 Spesifikasi teknikal adalah seperti *Bills of Quantity* (BQ) di bawah. Adalah penting dan perlu dibaca, dan difahami seperti mana yang diminta. Kegagalan memahami serta menguruskannya dengan tidak betul boleh mencacatkan dan menggagalkan tawaran sebut harga ini.

Bil	Butiran Kerja	Kuantiti
<b>1.0</b>	<b>Kerja-Kerja Permulaan</b>	
1.1	Kerja-kerja menjalankan pemeriksaan secara visual dan kerja-kerja mengenalpasti jenis-jenis kecacatan/kerosakan pada fizikal bangunan (siling).	L/S
1.2	Menyenaraikan punca-punca kecacatan/ kerosakan mengikut pemeriksaan yang dijalankan dan ianya tidak terhad kepada satu punca sahaja untuk satu kecacatan/kerosakan.	L/S
1.3	Memberi cadangan/saranan/syor-syor sebagai penyelesaian kepada kecacatan/kerosakan dan perakuan teknikal melalui penyediaan laporan lengkap.	L/S
1.4	Laporan kemajuan kerja termasuk Gambar Foto Kemajuan Kerja (sebelum, semasa dan selepas) dalam bentuk softcopy.	L/S
1.5	Menyediakan kos insuran seperti Insuran Liability Awam dan Insuran Kerja bagi tempoh pelaksanaan kerja baikpulih dan insuran barangan.	L/S
<b>2.0</b>	<b>Kerja-kerja Baik Pulih dan Penyelenggaraan</b>	
2.1	Kerja-Kerja baikpulih dan penyelenggaraan seperti yang dicadangkan/disarankan/ disyorkan pada item 1.3 – Kerja-Kerja Permulaan.	L/S
2.2	Kerja-Kerja Pembersihan Tapak (sebelum dan selesai kerja)	L/S
2.3	Kerja-kerja menyediakan segala peralatan dan tenaga kerja mahir, dan pengangkutan bagi melaksanakan	L/S

Bil	Butiran Kerja	Kuantiti
	kerja-kerja meroboh, membina dan lain-lain kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan.	
<b>3.0</b>	<b>Kemasan Siling</b>	
3.1	Melakukan pemeriksaan ke atas siling pejabat bagi mengenal pasti kawasan yang terjejas akibat kelembapan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kesan tompokan air, cat mengelupas, pertumbuhan kulat/kulapuk (mold), atau papan siling yang rosak.	L/S
3.2	Melaksanakan kerja-kerja pembaikan siling plaster yang terjejas oleh kulat/kulapuk, termasuk kerja pembersihan, rawatan anti-kulat/anti-kulapuk, penyediaan permukaan dan pengecatan semula siling. Skop kerja ini termasuk rawatan kawasan terjejas menggunakan bahan anti-kulat atau anti-kulapuk yang sesuai bagi mencegah pertumbuhan berulang.	L/S
3.3	Melaksanakan kerja-kerja pembaikan siling plaster yang mengalami rekahan, termasuk kerja pembersihan, rawatan anti-kulat / anti-kulapuk, penyediaan permukaan dan pengecatan semula supaya sepadan dengan kemasan sedia ada. Kerja pembaikan hendaklah merangkumi penampalan dan pembaikan rekahan, lubang atau permukaan tidak rata menggunakan bahan pengisi atau sebatian plaster yang sesuai.	L/S
3.4	Menyediakan dan mengecat siling dengan dua lapis cat jenis anti-kulat/anti-kulat (anti-mold)/anti-fungus, termasuk kerja pembersihan permukaan, penyapuan lapisan asas (primer) sekiranya perlu, dan kerja-kerja yang berkaitan.	L/S
3.5	Kerja-kerja kemasan yang berkaitan serta lain-lain kerja yang berkaitan.	L/S

## 7.0 Lawatan Tapak

- 7.1 Pihak Syarikat dikehendaki dengan teliti terhadap skop kerja-kerja yang diperlukan dan membuat pengukuran semula sebelum menghantar sebut harga.
- 7.2 Pemeriksaan dan pengukuran boleh dibuat semasa lawatan tapak seperti ketetapan di bawah:

**Tarikh** : 9 Mei 2026, Sabtu  
**Masa** : 10.00 pagi  
**Tempat** : Pejabat Labuan FSA, Tingkat 17, Menara Utama, Ujana Kewangan, 87000 WP. Labuan

- 7.3 Syarikat hendaklah memaklumkan dan mengesahkan kehadiran anda dengan menghubungi pegawai di bawah:

Encik Robin Patrick M. Mangkah  
Nombor Telefon : 03-8873 2082  
Emel : robin@labuanfsa.gov.my

Encik Kahar Rino  
Nombor Telefon : 03-8873 2078  
Emel : kahar@labuanfsa.gov.my

## **8.0 Pematuhan Terhadap Undang-Undang, Tadbir Urus, Anti Rasuah dan Anti-Korupsi**

- 8.1 Syarikat hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Syarikat 2016 (Akta 777), Akta Persaingan (Akta 712), Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670), Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA), serta mana-mana peraturan lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan atau pelaksanaan kerja yang dicadangkan.
- 8.2 Syarikat hendaklah menjalankan semua urusan perniagaan dengan Labuan FSA secara adil, telus dan beretika, serta mematuhi sepenuhnya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan semua undang-undang lain yang berkuat kuasa.
- 8.3 Syarikat bertanggungjawab memastikan bahawa semua pekerja, ejen, wakil serta subkontraktornya mematuhi standard integrity yang sama. Sebarang pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengakibatkan pembatalan kelayakan bagi peluang perniagaan semasa dan masa hadapan dengan Labuan FSA, penamatan kontrak, serta tindakan undang-undang.
- 8.4 Sebutharga atau cadangan yang dikemukakan adalah dibuat secara bebas dan tanpa sebarang bentuk pakatan, perundingan, komunikasi, persetujuan atau pengaturan dengan mana-mana vendor, pembida atau pihak lain yang berhasrat untuk mengemukakan sebutharga atau cadangan bagi perolehan yang sama.
- 8.5 Sila rujuk **Lampiran** bagi **Garis Panduan Pemberi Maklumat (Whistleblowing)** untuk **Pembekal / Perunding / Kontraktor**.

## **9.0 Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)**

- 9.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas tarikh kerja diperakukan siap. Syarikat hendaklah mengeluarkan satu surat DLP dan surat penyerahan tapak kepada Labuan FSA setelah selesai kerja-kerja baik pulih.
- 9.2 Semasa tempoh DLP, Syarikat dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Labuan FSA. Segala kos adalah di bawah tanggungan Syarikat.

## **10.0 Arahan Kepada Syarikat Yang Berjaya**

- 10.1 Syarikat hendaklah mematuhi arahan penyelia di tapak kerja terutamanya dalam perkara kebersihan dan keselamatan.
- 10.2 Syarikat hendaklah menanggung rugi terhadap apa-apa tuntutan sekiranya ianya berlaku disebabkan atas kecuaiannya Syarikat semasa melaksanakan kerja-kerja berkenaan seperti kecederaan atau kematian mana-mana orang atau kerosakan terhadap apa-apa harta yang dipunyai oleh sesiapa pun.
- 10.3 Syarikat hendaklah membersihkan sisa-sisa bahan binaan, kotoran, sampah dan sebagainya di lokasi dan persekitaran pembinaan pada setiap hari selepas kerja harian ditamatkan.
- 10.4 Syarikat hendaklah memastikan semua pekerja sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan disiplin serta hanya berada/ memasuki ruang kerja yang berkaitan sahaja.
- 10.5 Syarikat dibenarkan untuk melaksanakan kerja-kerja ubahsuai pada waktu malam (selepas waktu Pejabat) dan pada hari cuti hujung minggu (Sabtu & Ahad).
- 10.6 Labuan FSA berhak menamatkan kontrak kerja sekiranya:
- Syarikat gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah dipersetujui tanpa sebab yang munasabah.
  - Kerja yang sedang berjalan terlalu lambat tanpa sebarang sebab yang munasabah.
  - Syarikat gagal memenuhi keperluan dan arahan oleh Labuan FSA.
  - Syarikat diisytiharkan muflis.

## 11.0 Tarikh Tutup Penghantaran dan Maklumat Perhubungan

11.1 Tawaran Sebut Harga yang dikemukakan boleh dihantar ke alamat di bawah:

Tarikh : 18 Mei 2026, sebelum 5 petang.  
Tutup  
Alamat : **Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan  
Tingkat 17, Menara Pejabat Utama  
Kompleks Ujana Kewangan  
Jalan Merdeka  
87000 WP Labuan  
(Perhatian: Bahagian Perolehan, Unit Pengurusan  
Fasiliti)**

Emel : [procurement@labuanfsa.gov.my](mailto:procurement@labuanfsa.gov.my)

11.2 Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan tawaran sebut harga ini, sila berhubung dengan pegawai dibawah:

**Penyediaan dan Pengemukaan Dokument**                      **Puan Raja Hazrina Zaity**  
Tel No : 03-2780 3326  
Emel : [hazrina@labuanfsa.gov.my](mailto:hazrina@labuanfsa.gov.my)

**En Shahrin Jainudin**  
Tel No : 03-8873 2081  
Emel : [shahrin@labuanfsa.gov.my](mailto:shahrin@labuanfsa.gov.my)

**Keperluan Projek / Skop Kerja**                      **Encik Robin Patrick Mangkah**  
Tel No. : 03-8873 2082  
Emel : [robin@labuanfsa.gov.my](mailto:robin@labuanfsa.gov.my)

**Encik Kahar Rino**  
Tel No. : 03-8873 2078  
Emel : [kahar@labuanfsa.gov.my](mailto:kahar@labuanfsa.gov.my)

# Appendixes



LAMPIRAN A

**AKUAN PEMBIDA DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN  
ORANG DAN BURUH PAKSA**

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DI PEJABAT LEMBAGA PERKHIDMATAN  
KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 26/0039)**

Saya, (Nama Wakil Syarikat) ....., No. Kad Pengenalan/Pasport ....., yang mewakili (Nama Syarikat)....., No. Pendaftaran ..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB), dengan ini mengisytiharkan bahawa saya, atau mana-mana individu yang bertindak bagi pihak Syarikat ini, akan:

- i. Memberi Pendidikan dan pendedahan kepada pekerja serta kakitangan organisasi untuk mengenal pasti dan melaporkan sebarang petunjuk pemerdangan manusia dan buruh paksa;
- ii. Mempromosikan kesedaran mengenai hak-hak pekerja, perlindungan yang disediakan, serta akses kepada remedi atau saluran aduan yang berkaitan; dan
- iii. Memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Akta Anti-Pemerdagnangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670), Akta Kerja 1955 (Akta 265), serta semua undang-undang lain yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Saya mengakui bahawa sekiranya saya atau mana-mana wakil syarikat di dapati terlibat dalam kesalahan berkaitan pemerdagangan manusia atau buruh paksa, tindakan sewajarnya boleh diambil terhadap syarikat selaras dengan peruntukan Akta 670, Akta 265, dan undang-undang lain yang berkaitan.

Yang benar,

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No. KP/Pasport : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cap Rasmi Syarikat : \_\_\_\_\_

**PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (BENEFICIAL OWNER-BO)**

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DI PEJABAT LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 26/0039)**

<b>Sila tandakan (✓) yang berkenaan:</b>	
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah mengemukakan maklumat Pemilikan Benefisial (BO) kepada SSM.
<input type="checkbox"/>	Berdaftar dengan SSM dan tidak perlu menyerahkan simpan maklumat Pemilikan Benefisial (BO) kepada SSM (Syarikat Perusahaan) ( <b>borang hendaklah dikemukakan tanpa diisi</b> ).
<input type="checkbox"/>	Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ( <b>borang hendaklah dikemukakan tanpa diisi</b> ).

<b>Nama Syarikat</b>	:			
<b>Maklumat Pemilik Benefisial (BO)</b>	:			
<b>Nama</b>	<b>No. KP/Pasport</b>	<b>Jawatan dalam Syarikat (jika ada)</b>	<b>Kewarganegaraan</b>	

.....

Saya, ..... (Nama Pemilik / Pengarah Syarikat),  
 No. Kad Pengenalan / Pasport ....., yang mewakili  
 ..... (Nama Syarikat / Perniagaan), No.  
 Pendaftaran ..... (MOF/CIDB/SSM), dengan ini **mengesahkan**  
 bahawa senarai Pemunya Benefisial syarikat seperti yang dinyatakan dalam borang ini adalah **sama** dengan maklumat yang telah dikemukakan serta direkodkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selaras dengan **Akta Syarikat 2016 [Akta 777]** dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SSM.

Yang benar,

Tandatangan	:	_____
Nama	:	_____
No. KP/Pasport	:	_____
Jawatan	:	_____
Tarikh	:	_____
Cap Rasmi Syarikat	:	_____

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DI PEJABAT LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN  
LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 26/0039)**

Saya, \_\_\_\_\_ (Nama Wakil Syarikat) No Kad Pengenalan/Pasport \_\_\_\_\_  
mewakili \_\_\_\_\_ (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran \_\_\_\_\_ (MOF/PKK/CIDB;ROS/ROC/ROB)  
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberi sebarang rasuah kepada mana-mana kakitangan Labuan FSA atau mana-mana individu lain, sebagai rasuah untuk dipilih dalam sebut harga/tender ini\*; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dalam penipuan bida dalam sebut harga/tender\*

Bersama-sama ini dilampirkan Surat Kebenaran, yang memberi kuasa kepada saya untuk membuat pengisytiharan ini sebagai wakil bagi syarikat yang disebutkan di atas.

2. Jika saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini, didapati terlibat dalam perjanjian bidaan palsu dengan syarikat lain mengenai perolehan atau tawaran di atas, berjanji atau memberi sebarang rasuah kepada mana-mana kakitangan Labuan FSA atau mana-mana orang lain sebagai insentif untuk dipilih di dalam aktiviti perolehan ini, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju bahawa tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Kehilangan kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Tindakan undang-undang lain selaras dengan prosedur perolehan Kerajaan Malaysia yang berkuat kuasa.

3. Saya faham bahawa tindakan berikut akan diambil:

- 3.1 Akan didakwa atas kesalahan\*\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] dan boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing kerana kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini mematuhi dengan (i); atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] kerana kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) di dalam Perisytiharan ini. Jika syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat itu boleh dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusingan modal sepanjang tempoh pelanggaran itu berlaku.

## LAMPIRAN C

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :  
Nama :  
No. KP/Pasport :  
Jawatan :  
Tarikh :  
Cap Rasmi Syarikat :

### Catatan:

1. \*Potong mana yang berkenaan.
2. \*\*termasuk kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrifan "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
3. \*\*\*seseorang yang dikaitkan dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A(6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu dikaitkan dengan organisasi komersial termasuk: (a) Pengarah, rakan kongsi atau pekerja organisasi komersial; (b) mana-mana orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
4. Pengakuan ini hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan Surat Kebenaran.
5. Takrif perusahaan di bawah Akta 712 termasuk syarikat yang terlibat dalam perolehan Keraj



**LAMPIRAN D**

**BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN OLEH PERUNDING**

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DI PEJABAT LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN  
(LABUAN FSA) (RFQ 26/0039)**

Saya,.....K/P/Pasport ..... Sebagai pemilik  
.....dengan Nombor Pendaftaran.....dengan ini mengaku bahawa saya atau mana-  
mana individu ) yang mewakili firma ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberi sebarang rasuah  
atau pengaruh kepada mana-mana individu di Labuan FSA atau mana-mana individu lain, sebagai insentif  
untuk mendapatkan perolehan ini.

1. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba mendapatkan atau meminta sebarang rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai insentif untuk dipilih dalam aktiviti perolehan ini, saya akan segera memfailkan aduan kepada Malaysian Anti - Pejabat Suruhanjaya Rasuah (SPRM) atau di balai polis berhampiran. Saya sedar kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(2) akta yang sama. Apabila sabit kesalahan, saya boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya;
2. Saya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana individu yang mewakili firma ini untuk mematuhi perkara (1) dalam Perisytiharan ini boleh menyebabkan saya atau mana- mana individu yang mewakili firma ini didakwa atau didakwa atas suatu kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] dan boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.
3. Saya faham dengan sewajarnya bahawa jika syarikat melakukan kesalahan atau jika individu yang dikaitkan dengan syarikat\*\* memberi, berjanji atau menawarkan rasuah untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A Akta Anti Malaysia. -Akta Suruhanjaya Rasuah 2009 [Akta 694], jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh (10) kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua puluh (20) tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No. KP/Pasport : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cap Rasmi Syarikat : \_\_\_\_\_

**PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN**

**KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DI PEJABAT**  
**LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 26/0039)**

**Nama Syarikat**  
**Nombor Pendaftaran Syarikat**  
**Alamat**

**Pewagai Bertanggungjawab**  
**Emel**  
**No. Telefon**

Saya, \_\_\_\_\_ (Nombor Kad Pengenalan) \_\_\_\_\_,  
wakil kepada Syarikat \_\_\_\_\_, dengan ini mengisytiharkan bahawa:

Ya	Tidak	Pengisytiharan
		Syarikat mempunyai penglibatan dalam menasihati Labuan FSA berkenaan dengan perkara di bawah skop penilaian seperti yang dinyatakan di dalam tawaran tender ini.
		Labuan FSA mempunyai pengaruh yang ketara ke atas Syarikat berkenaan dengan keputusan kewangan dan operasi milik Syarikat.
		Syarikat dikawal oleh Labuan FSA berdasarkan pegangan saham dari segi kewangan atau apa-apa pengurusan secara langsung atau tidak langsung, Syarikat merupakan anak Syarikat kepada Labuan FSA.
		Pengarah atau seseorang yang mempunyai pengaruh ke atas Syarikat merupakan ahli keluarga terdekat kepada Pengurusan Kanan di Labuan FSA atau ahli Lembaga Pengarah Labuan FSA atau kakitangan di Labuan FSA.

Bil	Nama	Jawatan di Syarikat	Nama Pengurusan Kanan di Labuan FSA atau kakitangan Labuan FSA	Hubungan
1.				
2.				

-----  
Saya dengan ini mengaku bahawa saya telah membaca borang ini dengan teliti. Saya dengan ini mengesahkan kesemua maklumat yang diisi dan dibenarkan adalah benar.

Tandatangan  
Nama  
Jawatan di Syarikat  
Tarikh

- \* **"Ahli Keluarga Terdekat"** merujuk kepada pasangan, anak-anak dan pasangan mereka, tanggungan, ibu bapa, ibu bapa mertua, adik-beradik, pasangan adik-beradik dan anak-anak mereka.  
\*\* **"Pengurusan Kanan"** merujuk kepada Ahli Lembaga atau Pengarah Labuan FSA.

# **[KEPALA SURAT SYARIKAT]**

## **PENGISYTIHARAN MENGENAI SEMUA LITIGASI**

Kepada:

Bahagian Perolehan  
Unit Pengurusan Fasiliti  
Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan  
Tingkat 17, Menara Utama  
Ujana Kewangan 87000 Labuan.

### **KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING DI PEJABAT LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA) (RFQ 26/0039)**

Kami dengan ini mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa kami, \_\_\_\_\_, tidak mempunyai sebarang litigasi / Sejarah Timbang Tara\* dengan mana-mana jabatan Kerajaan/ Aku janji Sektor Awam/ Sektor Swasta\* atau mana-mana agensi lain yang telah kami laksanakan/ menjalankan kerja/ perkhidmatan\* dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

Yang benar,

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cap Rasmi Syarikat : \_\_\_\_\_

Nota:

\*Potong yang mana tidak berkenaan.

**NOTIS PRIVASI PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDPA) UNTUK  
PEMBEKAL/PERUNDING/KONTRAKTOR**

Kami, **Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan** ("Labuan FSA") sebagai pengguna data (selepas ini dirujuk sebagai "Kami") komited untuk mengekalkan kerahsiaan, keselamatan dan integriti data peribadi yang dibekalkan oleh anda sebagai subjek data kepada kami. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"), Notis Privasi ini bertujuan untuk menyatakan cara kami berurusan dengan data peribadi dan pilihan yang tersedia untuk anda mengakses atau menghadkan akses kami kepada data peribadi. Anda juga bersetuju untuk mematuhi PDPA berhubung dengan sebarang data peribadi yang kami berikan kepada anda. Jika anda merupakan syarikat yang membekalkan kami data peribadi individu tertentu (seperti pengarah, pemegang saham, pegawai atau pekerja anda), perkataan "data peribadi" dalam Notis Privasi ini hendaklah termasuk data peribadi individu tersebut. Anda dikehendaki mendapatkan persetujuan masing-masing sebelum mendedahkan data peribadi mereka kepada kami dan dengan mendedahkannya, kami akan menganggap bahawa anda berbuat demikian mengikut PDPA.

1. Jenis data peribadi yang dikumpul dan diproses oleh kami adalah seperti berikut:
  - Nama, nombor kad pengenalan/pasport, jantina, kewarganegaraan, tarikh lahir, status pemastautin, status perkahwinan, alamat, nombor yang boleh dihubungi, alamat e-mel, butiran pekerjaan dan maklumat kewangan;
  - Data peribadi daripada agensi kerajaan;
  - Data peribadi daripada agensi pelaporan kredit atau pembekal perkhidmatan yang serupa;
  - Maklumat lain yang berkaitan yang mungkin kami perlukan untuk anda memberikan kami produk/perkhidmatan tersebut.
  
2. Data peribadi yang dikumpul adalah untuk tujuan berikut:
  - Menilai permohonan anda sebagai vendor, perunding, pembekal perkhidmatan, pembekal dan kontraktor kami;
  - Memproses data peribadi anda bagi tujuan menyediakan produk/perkhidmatan;
  - Menjalankan semakan kredit dengan agensi pelaporan kredit;
  - Memeriksa bagi pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti keganasan;
  - Menjawab pertanyaan anda seperti permintaan akses data dan memudahkan operasi harian kami;
  - Tujuan penyelidikan termasuk sejarah dan statistik;
  - Siasatan terhadap aduan, transaksi yang disyaki mencurigakan dan penyelidikan untuk penambahbaikan perkhidmatan atau barangan;
  - Untuk mematuhi keperluan undang-undang atau peraturan atau seperti yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan;
  - Pengurusan risiko; dan/atau
  - Untuk tujuan lain yang telah bersetuju bersama.

Data peribadi yang dikumpul akan disimpan oleh kami untuk tempoh yang dibenarkan/diperlukan di bawah undang-undang Malaysia, yang mana tempoh ini mungkin berlanjutan sehingga selepas tamat perjanjian.

3. Data peribadi yang dikumpul adalah Sulit dan kami mengekalkan keselamatan data tersebut:
  - Sistem kawalan keselamatan yang mencukupi untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan data peribadi anda;
  - Akses kepada data peribadi anda oleh kakitangan kami adalah di atas dasar yang perlu diketahui dan hanya diberikan kepada Pegawai yang telah diberi kuasa untuk akses; dan
  - Apabila pembekal perkhidmatan pihak ketiga, ejen atau kontraktor dilantik untuk menyediakan produk atau perkhidmatan kepada kami, kami memastikan pihak ketiga ini mematuhi langkah keselamatan yang sama.
  
4. Data peribadi anda tidak akan didedahkan kepada orang luar kecuali kepada pihak-pihak yang disenaraikan seperti di bawah:
  - Pegawai, pekerja, perunding, penasihat, pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan ejen kami untuk tujuan yang berkaitan dengan permohonan anda untuk dan/atau penglibatan anda sebagai vendor, perunding, kontraktor, pembekal perkhidmatan atau pembekal kami;
  
  - Mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga, ejen atau kontraktor yang telah dilantik oleh kami untuk menyediakan produk/perkhidmatan berhubung dengan perniagaan kami, sama ada di dalam atau di luar Malaysia tertakluk kepada kawalan keselamatan yang mencukupi ke atas maklumat tersebut;
  
  - Mana-mana penerima serah hak sebenar atau yang dicadangkan, penerima pindahan, peserta atau sub-peserta hak atau perniagaan syarikat;
  
  - Mana-mana orang yang kami bertanggungjawab untuk membuat pendedahan di bawah keperluan mana-mana undang-undang, peraturan, perintah mahkamah, kod amalan atau garis panduan yang mengikat kami termasuk, mana-mana pengawal selia yang berkenaan, badan kerajaan atau industri yang diiktiraf badan, dan jika sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang; dan
  
  - Kepada pihak-pihak yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.
  
5. Hak dan pilihan:
  - Individu mempunyai hak untuk meminta akses kepada data peribadi yang disimpan oleh kami.
  - Bagi tujuan ini, anda boleh meminta Borang Permintaan Akses Data Peribadi daripada pegawai di bawah. Kami mungkin akan mengenakan bayaran pentadbiran untuk memproses permintaan anda.
  - Anda mempunyai hak untuk meminta pembetulan data peribadi anda yang disimpan oleh kami sekiranya maklumat itu tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemas kini. Bagi tujuan ini, sila berhubung dengan pegawai di bawah dengan memberikan maklumat lanjut berkenaan dengan:
    - (i) maklumat pengenalan anda (cth. Nombor akaun, jenis produk/perkhidmatan yang dibekalkan, nombor kad pengenalan);
    - (ii) menyatakan maklumat yang tidak tepat; dan
    - (iii) menyatakan maklumat yang perlu dikemas kini/dibetulkan.

- Kami berhasrat untuk menyimpan data peribadi anda dalam rekod kami dengan tepat, lengkap dan terkini. Selaras dengan PDPA, kami mungkin menolak untuk mematuhi permintaan anda untuk akses atau pembetulan dalam keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam PDPA.
6. Pindaan dan Hubungan Selanjutnya:
- Sebarang pindaan kepada Notis ini akan dimaklumkan kepada anda dari masa dari semasa ke semasa, yang mungkin memerlukan persetujuan anda.
  - Sebarang aduan boleh disalurkan ke alamat berikut:

**Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan**

Tingkat 17, Menara Pejabat Utama Ujana Kewangan  
Jalan Merdeka  
87000 Labuan, Malaysia.

Maklumat pegawai yang boleh dihubungi:

**Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan**

**Nama** : Encik Md Zainizam Mat Jenu  
**Jawatan** : Ketua Unit, Bahagian Undang-Undang  
**Emel** : zainizam@labuanfsa.gov.my

Sila akui penerimaan Notis Privasi ini dengan menandatangani salinan pendua di bawah dan dikembalikan kepada kami bersama-sama dengan dokumen tender.

Terima kasih.

Tarikh: 5 Mei 2026

---

Pihak kami mengakui penerimaan Notis Privasi di atas dan dengan ini bersetuju untuk Labuan FSA menggunakan, memproses, mendedah dan meminda data peribadi saya/kami bagi tujuan di atas.

Yang benar,

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

## Vendors Whistleblowing Guidelines

- 1) Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) is opposed to all forms of fraud, corruption, and malpractice, whether arising from within or outside Labuan FSA or from vendors. If the vendors have any concerns about suspected malpractice, Labuan FSA encourages them to raise the issue. Labuan FSA will take your concerns seriously and wish to encourage you to report any suspected fraud or corruption.
- 2) Submission of concern:
  - (i) Any report about suspected or potential malpractice can be submitted to:

**Director General**  
Labuan Financial Services Authority  
Level 17, Main Office Tower  
Financial Park Complex  
Jalan Merdeka  
87000, Labuan F.T.  
(Tel: 03-8873 2000 / Fax: 03-8873 2208)

Email: [dg\\_wb@labuanfsa.gov.my](mailto:dg_wb@labuanfsa.gov.my)

- (ii) For submitted by letter, place letter in a sealed envelope with the words **"Strictly Confidential. To be opened by Addressee only [name and address of the DOJ]"** on the top left hand corner of the envelope.
- 3) Confidentiality:
  - (i) Labuan FSA will treat all reports in a confidential and sensitive manner. The identity of the whistleblower is required when making a report, to better place an investigation into the report. This is to respect the authority of the Labuan FSA and integrity of its employees.
  - (ii) However, Labuan FSA will respect and protect the confidentiality of the whistleblower and hereby gives assurance that it will not reveal the identity of the whistleblower to any third party not involved in the investigation or prosecution of the matter. The whistleblower making the report will retain anonymity to all other employees and public unless he/she agrees otherwise. The assurance of confidentiality can only be completely effective if the whistleblower likewise maintains confidentiality.

- (iii) Anonymous concerns will be much more difficult for Labuan FSA to look into the matter or protect your position. Investigations into anonymous allegations are likely to be limited by the sufficiency of the information provided. Anonymous referrals will be followed up at the discretion of the Labuan FSA. In exercising that discretion, the factors that will be taken into account will include:
    - The seriousness of the matters raised.
    - The sufficiency and detail of information provided.
    - The credibility of the concern; and
    - The likelihood of confirming the allegation and obtaining further evidence from attributable sources.
- 4) Labuan FSA's Commitment:
- (i) Upon notification, Labuan FSA will look into it to assess and take action.
  - (ii) You will be notified who is handling the matter, how you can contact them, and whether further assistance may be needed.
  - (iii) Where relevant, the whistleblower may be requested to submit evidence and documents. Any meeting arranged will be conducted discreetly and, if necessary, off-site or out of Labuan FSA's premises.

## **GARIS PANDUAN ETIKA PEMAKAIAN BAGI PEMBEKAL/KONTRAKTOR**

### **1.0 Objektif**

Garis panduan ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada pihak pembekal/kontraktor supaya wujud kesegaraman dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri ketika memasuki pejabat Labuan FSA.

### **2.0 Panduan Pakaian**

Berikut merupakan panduan pemakaian bagi urusan rasmi di pejabat Labuan FSA samaada ketika lawatan tapak, taklimat projek, penyerahan dokumen tender atau sebut harga, atau menghadiri mesyuarat:

- Pembekal/kontraktor adalah dinasihatkan berpakaian kemas, bersih dan sesuai dengan amalan masyarakat Malaysia dan mematuhi etika berpakaian yang telah ditetapkan oleh Labuan FSA.
- Pakaian yang dibenarkan adalah pakaian yang sopan seperti baju kemeja, baju T-berkolar, kasut, seluar panjang, dan skirt panjang di bawah paras lutut. Seluar jeans adalah dibenarkan dengan syarat ianya tidak koyak atau lusuh.
- Pembekal/kontraktor dilarang daripada berpakaian tidak sopan dan yang terlalu mendedahkan tubuh atau menjolok mata seperti berikut:
  - ✓ Berskirt atas paras lutut atau berseluar pendek
  - ✓ Berbaju tanpa lengan
  - ✓ Berseluar/berskirt terlalu ketat
  - ✓ Berselipar

Berikut merupakan panduan pemakaian ketika kerja-kerja penyelenggaraan, pembinaan, pembaikan, atau pengubahsuaian:

- Bagi kerja-kerja pembinaan, pembaikan, penyelenggaraan atau pengubahsuaian:
  - ✓ Pembekal/kontraktor adalah dinasihatkan berpakaian kemas, selamat, bersih dan sesuai dengan kerja-kerja yang dibuat.
  - ✓ Pembekal/kontraktor hendaklah memastikan keselamatan pekerja terjaga. Pemakaian kasut atau but keselamatan dan topi keselamatan adalah diwajibkan. Pemakaian selipar adalah dilarang sama sekali.
  - ✓ Memakai tali pinggang keselamatan bagi kerja-kerja yang melibatkan tempat tinggi.
  - ✓ Pemakaian sarung tangan adalah digalakkan untuk melindungi tangan daripada sebarang kecederaan.
- Bagi kerja-kerja pembersihan pejabat:
  - ✓ Adalah menjadi tanggungjawab pembekal/kontraktor untuk membekalkan pekerja uniform supaya mudah dikenalpasti dan mengekalkan keseragaman.
  - ✓ Uniform tersebut hendaklah sentiasa dipakai semasa di dalam pejabat Labuan FSA.

### **3.0 Pematuhan Garis Panduan**

Pelawat yang tidak mematuhi etika berpakaian di atas boleh dilarang dari memasuki pejabat Labuan FSA